



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**9 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 106 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 369,060 kes. Tiada kes kematian dilaporkan hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 201 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 353,869 orang. Manakala 252 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 244 orang di hospital, lapan (8) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 24 orang merangkumi 22 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 20 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a Jumlah jangkitan baharu turun 66 kes berbanding semalam, menjadikan jumlah kes hari ini sebanyak 106 sahaja. Jumlah ini merupakan antara angka yang terendah sejak beberapa bulan.
- b Keadaan di Sabah secara keseluruhan semakin bertambah baik. Hari ini cuma tiga (3) daerah mencatatkan jangkitan baharu dua (2) angka, iaitu Kota Kinabalu 24 (-33), Penampang 19 (+7) dan Papar 10 (tidak berubah). Selain Penampang, hanya dua (2) daerah lain iaitu Putatan 6 (+3) dan Kinabatangan 3 (+1) merekodkan pertambahan kes baharu.
- c Sebanyak 17 daerah mencatat kes jangkitan baharu satu (1) angka di mana tujuh (7) daripada daerah tersebut masing-masing merekodkan satu kes (1) sahaja. Tujuh (7) lagi daerah tidak mencatat sebarang kes baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- d Seramai 105 orang (99%) daripada 106 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Tidak ada pesakit dalam Kategori 3 dan Kategori 4. Seorang pesakit pula dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	25	23.58%
3	Bergejala	68	64.15%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	13	12.27%
<b>JUMLAH</b>		<b>106</b>	<b>100%</b>

- b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (8 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 8/04/2022	Catatan Kes 9/04/2022	Perbandingan
1	Penampang	12	19	+7
2	Putatan	3	6	+3
3	Kinabatangan	2	3	+1
4	Papar	10	10	Mendatar
5	Tuaran	8	8	Mendatar
6	Sipitang	5	5	Mendatar
7	Pitas	2	2	Mendatar
8	Kalabakan	1	1	Mendatar
3	Beluran	1	1	Mendatar
10	Tongod	0	0	Mendatar
11	Nabawan	0	0	mendatar
12	Kota Kinabalu	57	24	-33
13	Sandakan	12	7	-5
14	Tambunan	5	0	-5
15	Kuala Penyu	5	0	-5
16	Telupid	4	0	-4
17	Keningau	4	0	-4
18	Beaufort	9	6	-3
19	Tenom	7	4	-3
20	Kudat	6	3	-3
21	Lahad Datu	5	2	-3
22	Tawau	4	1	-3
23	Kota Marudu	3	1	-2
24	Semporna	2	1	-1
25	Ranau	2	1	-1
26	Kota Belud	2	1	-1
27	Kunak	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>172</b>	<b>106</b>	<b>-66</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	2	18	0	4	24	727
Penampang	0	7	12	0	0	19	274
Papar	0	3	7	0	0	10	238
Tuaran	0	2	4	0	2	8	213
Sandakan	0	5	2	0	0	7	142
Beaufort	0	0	6	0	0	6	145
Putatan	0	0	6	0	0	6	135
Sipitang	0	3	2	0	0	5	79
Tenom	0	1	2	0	1	4	69
Kinabatangan	0	1	1	0	1	3	32
Kudat	0	0	3	0	0	3	56
Lahad Datu	0	0	0	0	2	2	46
Pitas	0	1	1	0	0	2	51
Tawau	0	0	0	0	1	1	75
Kota Belud	0	0	1	0	0	1	48
Kota Marudu	0	0	1	0	0	1	72
Ranau	0	0	1	0	0	1	61
Beluran	0	0	0	0	1	1	49
Semporna	0	0	0	0	1	1	15
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	6
Keningau	0	0	0	0	0	0	92
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	56
Telupid	0	0	0	0	0	0	17
Tongod	0	0	0	0	0	0	7
Kunak	0	0	0	0	0	0	24
Nabawan	0	0	0	0	0	0	11
Tambunan	0	0	0	0	0	0	63
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>25</b>	<b>68</b>	<b>0</b>	<b>13</b>	<b>106</b>	<b>2803</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 2,618 unit.

- Hospital 1,273 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,105 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 9.63 %.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 9 APRIL 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	103
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>106</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
Johor	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	103
Bukan Malaysia	3
<b>Jumlah</b>	<b>106</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	8
Belum Menerima Vaksin (5-11)	4
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	7
Menerima 1 Dos	3
Lengkap 2 Dos	29
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	55
<b>Jumlah</b>	<b>106</b>

#### Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	7
5 -11	7
12-17	9
18-29	18
30-39	29
40-49	16
50-59	10
60-69	2
70-79	4
80-89	3
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>106</b>

### C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 8 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,407 orang. Daripada jumlah ini, seramai 971 orang adalah penduduk dewasa, 105 orang adalah penduduk remaja dan 1,331 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 8 April 2022 adalah seramai 2,565,702 orang. Ini meliputi 2,133,453 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.53% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,283 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,912 orang atau 76.97% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,907 orang atau 78.11% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,801 atau 74.33% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 99,342 atau 24.15% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 5,570 atau 1.35% orang.



**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 181 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 825 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 172 premis perniagaan dan 224 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 116 Premis Perniagaan melibatkan sembilan 40 anggota APM.
- 4 Sejumlah 86 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 133 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	98.8%
2	Kota Belud	98.8%
3	Semporna	98.7%
4	Ranau	98.7%
5	Kota Marudu	98.7%
6	Kudat	98.6%
7	Kunak	98.6%
8	Sipitang	98.5%
9	Beluran	98.5%
10	Beaufort	98.5%
11	Lahad Datu	98.4%
12	Tenom	98.4%
13	Kota Kinabalu	98.4%
14	Penampang	98.4%
15	Papar	98.2%
16	Keningau	98.2%
17	Sandakan	98.2%
18	Tuaran	98.1%
19	Tawau	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**